

D.R. 38/94

Naskhah Sahih—Bahasa Kebangsaan

**RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA
ASIL DALAM NEGERI MALAYSIA 1994**

SUSUNAN FASAL

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Fasal

1. Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.
2. Tafsiran.

BAHAGIAN II

PENUBUHAN LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI

3. Penubuhan Lembaga Hasil Dalam Negeri.
4. Peruntukan-peruntukan peletakhakan.
5. Meterai biasa.
6. Keanggotaan Lembaga.
7. Terma jawatan.
8. Hilang kelayakan anggota.
9. Pembatalan dan perletakan jawatan anggota.

BAHAGIAN III

FUNGSI DAN KUASA LEMBAGA

10. Fungsi Lembaga.
11. Kuasa Lembaga.
12. Perlantikan jawatankuasa.
13. Perwakilan kuasa.
14. Kuasa Menteri untuk memberikan arahan dan menghendaki maklumat.

BAHAGIAN IV

PERUNTUKAN-PERUNTUKAN YANG BERHUBUNGAN
DENGAN PEKERJA

Fasal

15. Gunakhidmat.
16. Hak-hak pencen pekerja Kerajaan hendaklah dipelihara.
17. Perlantikan pekerja, ejen dan perunding lain.
18. Peraturan-peraturan berkenaan dengan tatatertib.
19. Penerusan dan penyempurnaan prosiding tatatertib.
20. Pengeunaan surcaj.
21. Perlindungan daripada liabiliti diri.
22. Pengkhidmat awam.

BAHAGIAN V

PERUNTUKAN-PERUNTUKAN KEWANGAN

23. Kumpulan Wang Lembaga.
24. Perbelanjaan dan penyediaan anggaran.
25. Kuasa untuk meminjam.
26. Pemberian.
27. Akaun bank dan penggunaan hasil.
28. Pelaburan.

BAHAGIAN VI

AM

29. Tiada prosiding terhadap Lembaga sebagai ejen Kerajaan.
 30. Prosiding dikendalikan oleh pegawai Lembaga.
 31. Obligasi untuk menyimpan rahsia.
 32. Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980.
 33. Kuasa Menteri meminda Jadual Kedua dan Ketiga.
 34. Peraturan-peraturan.
- JADUAL-JADUAL.

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk menubuhkan dan memperbadankan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia, mengadakan peruntukan bagi fungsi-fungsi dan kuasa-kuasanya dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1994. Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.

(2) Akta ini hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain— Tafsiran.

"anggota" ertinya anggota Lembaga yang disebut di bawah seksyen 6;

"hak" ertinya segala hak, kuasa, keistimewaan dan kekebalan, sama ada sebenar, kontingen atau prospektif;

"hari penetapan" ertinya hari yang padanya Akta ini mula berkuatkuasa;

"harta" termasuklah segala harta, alih dan tak alih, dan segala harta pusaka, kepentingan, isemen atau hak, sama ada secara ekuiti atau di sisi undang-undang dalam, kepada atau daripada harta, hak dalam tindakan, wang dan nama baik; dan "terletakhak", berhubungan dengan harta, termasuklah hak mengenai harta masa hadapan atau kontingen dan hak persembaian dan lebihan;

Akta 53. "Ketua Pengarah" ertinya Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri yang disebut dalam seksyen 134 Akta Cukai Pendapatan 1967;

"Kumpulan Wang" ertinya Kumpulan Wang yang ditubuhkan di bawah seksyen 23;

"Lembaga" ertinya Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia yang ditubuhkan di bawah seksyen 3;

"liabiliti" ertinya tiap-tiap jenis liabiliti, hutang, tanggungan, kewajipan dan obligasi sama ada masa kini atau pada masa hadapan, sebenar atau kontingen, dan sama ada kena dibayar atau dipatuhi atau dilaksanakan di Malaysia atau di tempat lain;

"Menteri" ertinya Menteri yang pada masa ini dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi kewangan;

"Pengerusi" ertinya Pengerusi Lembaga dan termasuklah mana-mana Pengerusi Lembaga sementara;

"tarikh letakhak" ertinya tarikh yang padanya harta, hak dan liabiliti yang dinyatakan oleh Menteri dalam perintah di bawah subseksyen 4(1) yang baginya Kerajaan Malaysia adalah berhak atau tertakluk kepadanya, dipindahmilikan dan diletakhakkan kepada Lembaga.

BAHAGIAN II

PENUBUHAN LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI

Penubuhan Lembaga Hasil Dalam Negeri. 3. Adalah dengan ini ditubuhkan suatu pertubuhan perbadanan dengan nama "Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia" yang kekal turun-temurun dan mempunyai meterai biasa, dan boleh mendakwa dan didakwa atas

nama perbadanannya dan, tertakluk kepada dan bagi maksud-maksud Akta ini, boleh membuat kontrak dan memperolehi, membeli, mengambil, memegang dan menikmati harta alih dan tak alih bagi tiap-tiap jenis dan boleh memindah hak, menyerahhak, menyerah balik, memulangkan, menggadai, menggadai janji, mendemis, menyerahhak semula, mernindahmilik atau selainnya melupus, atau menggunakan, apa-apa harta alih atau tak alih atau apa-apa kepentingan yang diletakhak kepada Lembaga atas terma-terma yang difikirkan patut.

4. (1) Tertakluk kepada Akta ini, Menteri boleh, dari semasa ke semasa, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, menetapkan suatu tarikh peletakhakan dan pada tarikh itu segala harta, hak atau liabiliti Kerajaan Malaysia yang dinyatakan oleh Menteri dalam perintah itu hendaklah, menurut kuasa Akta ini, dipindahkan kepada dan terletak pada Lembaga tanpa apa jua pun pemindahhakan, penyerahhakan atau pemindahmilikan.

Peruntukan-
peruntukan
peletak-
hakan.

(2) Tiap-tiap harta yang terletak menurut kuasa subseksyen (1) pada Lembaga hendaklah terletak sedemikian pada Lembaga dengan hakmilik, harta pusaka atau kepentingan dan pemegangan yang serupa sebagaimana ia terletak atau dipegang sebelum sahaja tarikh peletakhakan itu.

(3) Tiap-tiap hak dalam tindakan yang terletak menurut kuasa subseksyen (1) pada Lembaga boleh, selepas tarikh peletakhakan itu, dituntut melalui guaman, didapatkan atau dikuatkuasakan oleh Lembaga atas namanya sendiri dan tidaklah perlu bagi Lembaga atau Kerajaan Malaysia memberikan notis kepada orang yang terikat dengan hak dalam tindakan itu mengenai peletakhakan yang dibuat melalui subseksyen (1).

(4) Tiap-tiap hak dan liabiliti yang terletak menurut kuasa subseksyen (1) pada Lembaga boleh, pada dan selepas tarikh peletakhakan, dituntut melalui guaman, didapatkan atau dikuatkuasakan oleh atau terhadap Lembaga atas namanya sendiri dan tidaklah perlu bagi Lembaga atau Kerajaan Malaysia memberi notis kepada orang yang hak atau liabilitinya tersentuh oleh peletakhakan di bawah subseksyen (1).

(5) Apa-apa prosiding undang-undang yang belum selesai oleh atau terhadap Kerajaan Malaysia yang berhubungan dengan apa-apa harta, hak atau liabiliti yang dipindahkan kepada dan terletak pada Lembaga menurut kuasa subseksyen (1) boleh, pada dan selepas tarikh peletakhakan, diteruskan oleh atau terhadap Lembaga.

(6) Dalam hal hak dan liabiliti yang berbangkit di bawah apa-apa pinjaman yang terletak pada Lembaga pada tarikh peletakhakan, Lembaga boleh membuat apa-apa perkiraan atau perjanjian mengenai hak dan liabiliti sedemikian dengan Kerajaan Malaysia atau mana-mana pihak ketiga.

(7) Pada dan selepas tarikh peletakhakan, apa-apa perjanjian yang berhubungan dengan apa-apa harta, hak dan liabiliti yang dipindahkan kepada dan terletak pada Lembaga di bawah subseksyen (1) yang Kerajaan Malaysia adalah pihak kepadanya sebelum sahaja tarikh peletakhakan itu, sama ada secara bertulis atau tidak, dan sama ada atau tidak daripada sesuatu jenis yang hak dan liabiliti di bawahnya boleh diserahkan oleh Kerajaan Malaysia, hendaklah mempunyai kuatkuasa seolah-olah Lembaga" telah menjadi pihak kepada perjanjian itu.

Meterai
biasa.

5. (1) Meterai biasa itu hendaklah mengandungi apa-apa rekabentuk yang diluluskan oleh Lembaga dan meterai itu boleh, dari semasa ke semasa, dipecahkan, ditukar, diubah dan dibuat baharu oleh Lembaga sebagaimana yang difikirkannya patut.

(2) Meterai biasa itu hendaklah disimpan dalam jagaan Pengerusi dan hendaklah disahkan oleh mana-mana dua anggota yang diberikuasa secara am atau khusus oleh Lembaga bagi maksud itu atau oleh seorang anggota dan Pengerusi.

(3) Segala suratikatan, dokumen, dan suratcara lain yang berupa sebagai dimeteraikan dengan meterai biasa dan disahkan mengikut subseksyen (2) hendaklah, sehingga dibuktikan selainnya, disifatkan sebagai telah disempurnakan dengan sah.

(4) Meterai biasa Lembaga hendaklah diiktiraf secara rasmi dan kehakiman.

6. (1) Lembaga hendaklah terdiri daripada anggota-anggota berikut yang hendaklah dilantik oleh Menteri: Keanggotaan Lembaga.

(a) Pengerusi, yang hendaklah menjadi Pengerusi Eksekutif;

(b) empat orang anggota yang mewakili Kerajaan, seorang daripadanya ialah Ketua Setiausaha atau Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan; dan

(c) tidak lebih daripada dua orang lain.

(2) Anggota yang dilantik di bawah perenggan (1)(c) hendaklah dari kalangan orang yang berkedudukan atau berpengalaman dalam perkara kewangan, komersil, percukaian atau undang-undang.

(3) Pengerusi hendaklah diamanahkan dengan pentadbiran harian Lembaga.

(4) Sekiranya Pengerusi tidak hadir atau tak boleh bertindak disebabkan sakit atau sebab lain, Menteri hendaklah melantik mana-mana anggota Lembaga untuk menjadi Pengerusi sementara.

(5) Peruntukan-peruntukan Jadual Pertama hendaklah terpakai kepada Lembaga.

7. Tertakluk kepada apa-apa terma sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri, seseorang anggota selain daripada Ketua Setiausaha atau Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, hendaklah memegang jawatan selama tempoh tidak lebih daripada tiga tahun dan hendaklah boleh dilantik semula. Terma jawatan.

8. Tidak seorang pun boleh terus memegang jawatan sebagai anggota jika dia— Hilang kelayakan anggota.

(a) telah disabitkan atas kesalahan yang melibatkan fraud, kecurangan atau keburukan akhlak;

- (b) tak sempurna akal atau selainya tak berupaya untuk menunaikan kewajipan-kewajipannya;
- (c) dihukum bankrap; atau
- (d) tidak menghadirkan dirinya untuk mesyuarat Lembaga sebanyak tiga kali berturut-turut tanpa kebenaran Pengerusi.

Pembatalan dan perletakan jawatan anggota.

9. (1) Menteri boleh, pada bila-bila masa, membatalkan perlantikan mana-mana anggota, selain daripada Ketua Setiausaha atau Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan tanpa memberi apa-apa sebab baginya.

(2) Mana-mana anggota boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya dengan memberi notis bertulis kepada Menteri.

BAHAGIAN III

FUNGSI DAN KUASA LEMBAGA

Fungsi Lembaga.

10. Fungsi Lembaga ialah—

- (a) untuk bertindak sebagai ejen Kerajaan dan memberi perkhidmatan dalam pentadbiran, pentaksiran, pemungutan dan penguatkuasaan pembayaran cukai pendapatan, cukai pendapatan petroleum, cukai keuntungan harta tanah, duti harta pusaka, duti setem dan apa-apa cukai lain sebagaimana yang dipersetujui antara Kerajaan dengan Lembaga;
- (b) untuk menasihati Kerajaan mengenai perkara-perkara yang berhubungan dengan percukaian dan menghubungi Kementerian dan badan berkanun yang sewajarnya mengenai perkara-perkara tersebut;
- (c) untuk turut serta di dalam atau di luar Malaysia berkenaan dengan perkara-perkara yang berhubungan dengan percukaian; dan
- (d) untuk melaksanakan apa-apa fungsi lain yang diberi kepada Lembaga oleh mana-mana undang-undang bertulis lain.

11. (1) Lembaga hendaklah mempunyai kuasa untuk melaksanakan segala benda yang perlu atau sesuai dilakukan bagi atau yang berkaitan dengan pelaksanaan fungsinya. Kuasa Lembaga.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), kuasa Lembaga hendaklah termasuk kuasa—

- (a) membuat kontrak;
- (b) mempergunakan, segala harta Lembaga, alih dan tak alih, dengan cara yang difikirkan suaimanfaat oleh Lembaga termasuklah mendapatkan pinjaman dengan menggadai harta tersebut;
- (c) melibatkan diri dalam apa-apa kegiatan, sama ada bersendirian atau bersama-sama dengan organisasi lain, atau agensi antarabangsa, bagi menggalakkan pemahaman percukaian yang lebih baik;
- (d) memberi nasihat atau bantuan teknikal, termasuk kemudahan latihan kepada pihak-pihak berkuasa percukaian negara-negara lain;
- (e) mengenakan fee atau caj bagi perkhidmatan yang diberikan oleh Lembaga;
- (f) memberi pinjaman kepada pekerja-pekerja Lembaga bagi apa-apa maksud yang diluluskan secara khusus oleh Lembaga;
- (g) menyediakan kemudahan rekreasi dan menggalakkan kegiatan rekreasi bagi, dan kegiatan yang berfaedah untuk, kebajikan pekerja Lembaga;
- (h) menyediakan latihan untuk pekerja Lembaga dan memberi biasiswa atau selainnya membiayai latihan tersebut; dan
- (i) melakukan apa juga yang bersampingan dengan mana-mana kuasanya.

(3) Bagi mengelakkan keraguan kuasa Lembaga tidaklah termasuk kuasa Ketua Pengarah atau orang yang memegang mana-mana jawatan dalam Jadual Ketiga.

Perlantikan
jawatan-
kuasa

12. (1) Bagi maksud-maksud melaksanakan fungsinya, Lembaga boleh menubuhkan jika difikirkannya perlu, apa-apa jawatankuasa dan dengan apa-apa bidang tugas yang dinyatakan.

(2) Anggota jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah subseksyen (1) bolehlah dilantik dari kalangan anggota Lembaga atau mana-mana orang lain yang difikirkan layak oleh Lembaga.

(3) Orang yang hilang kelayakan daripada menjadi anggota Lembaga di bawah seksyen 8 adalah juga tidak layak untuk menjadi anggota sesuatu jawatankuasa.

(4) Seseorang anggota suatu jawatankuasa hendaklah memegang jawatan selama apa-apa tempoh yang dinyatakan dalam surat perlantikannya dan adalah layak untuk dilantik semula.

(5) Lembaga boleh membatalkan perlantikan mana-mana anggota suatu jawatankuasa tanpa memberikan apa-apa sebab baginya.

(6) Seseorang anggota suatu jawatankuasa boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatan dengan memberikan notis secara bertulis kepada Pengerusi Lembaga.

Perwakilan
kuasa.

13. (1) Lembaga boleh mewakilkan kepada mana-mana jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah seksyen 12, mana-mana daripada fungsinya sebagaimana yang disifatkannya perlu atau dikehendaki.

(2) Apa-apa fungsi yang diwakilkan di bawah seksyen ini—

(a) boleh diwakilkan sedemikian tertakluk kepada apa-apa syarat atau sekatan sebagaimana yang dikenakan secara am atau khas oleh Lembaga;

(b) hendaklah dijalankan oleh jawatankuasa atas nama dan bagi pihak Lembaga.

(3) Tiada perwakilan yang dibuat di bawah seksyen ini boleh menghalang Lembaga itu sendiri daripada menjalankan atau melaksanakan pada bila-bila masa mana-mana fungsi yang diwakilkan sedemikian.

14. (1) Menteri boleh memberi Lembaga apa-apa arahan yang bersifat am yang tidak tak konsisten dengan Akta ini berhubungan dengan pelaksanaan fungsi Lembaga dan Lembaga hendaklah memberikan kuatkuasa kepada segala arahan sedemikian.

Kuasa Menteri untuk memberikan arahan dan menghendaki maklumat.

(2) Lembaga hendaklah memberi Menteri apa-apa penyata, akaun dan maklumat lain sebagaimana yang dikehendakinya dari semasa ke semasa.

BAHAGIAN IV

PERUNTUKAN-PERUNTUKAN YANG BERHUBUNGAN DENGAN PEKERJA

15. (1) Lembaga hendaklah pada hari penetapan menerima masuk ke dalam gunakhidmatnya tiap-tiap orang yang sebelum sahaja tarikh itu adalah dalam gunakhidmat atau perkhidmatan Jabatan Hasil Dalam Negeri, Malaysia, dan yang telah diberi opsyen oleh Kerajaan Malaysia dan telah mengambil opsyen untuk berkhidmat sebagai pekerja Lembaga. Gunakhidmat.

(2) Tiap-tiap orang sedemikian yang mengambil opsyen di bawah subseksyen (1) untuk berkhidmat sebagai pekerja Lembaga hendaklah digunakhidmat oleh Lembaga atas terma dan syarat perkhidmatan yang tidak kurang menguntungkan daripada terma dan syarat perkhidmatan yang kepadanya dia berhak sebelum sahaja tarikh yang disebutkan dalam subseksyen (1).

(3) Sehingga suatu masa yang terma dan syarat perkhidmatan termasuklah kelakuan dan tata tertib pekerjaanya dirangka oleh Lembaga, skim dan terma dan syarat perkhidmatan termasuklah kelakuan dan tata tertib pekerja Kerajaan hendaklah terpakai seterusnya *mutatis mutandis* kepada tiap-tiap orang yang digunakhidmat oleh Lembaga di bawah subseksyen (1).

Hak-hak
pencen
pekerja
Kerajaan
hendaklah
dipehara.

16. (1) Terma dan syarat yang dirangka oleh Lembaga hendaklah mengambil kira gaji dan terma dan syarat perkhidmatan, termasuklah apa-apa hak terakru cuti, yang dinikmati oleh orang ketika, berada dalam gunakhidmat Kerajaan sebelum mengambil opsyen memasuki ke perkhidmatan Lembaga; dan apa-apa terma atau syarat sedemikian yang berhubungan dengan tempoh perkhidmatan dengan Lembaga hendaklah membuat peruntukan mengiktiraf perkhidmatan dengan Kerajaan oleh orang yang membuat opsyen itu sebagai perkhidmatan mereka dengan Lembaga.

(2) Dalam tiap-tiap kes jika seseorang itu telah mengambil opsyen memasuki perkhidmatan Lembaga di bawah seksyen 15, Kerajaan hendaklah kena membayar kepada Lembaga apa-apa amaun pencen, ganjaran atau elaun yang kena dibayar kepada orang itu berkenaan dengan perkhidmatannya dengan Kerajaan pada masa persaraannya daripada Lembaga.

(3) Jika mana-mana orang dalam perkhidmatan Lembaga yang kesnya tidak termasuk dalam skim mana-mana skim pencen atau skim lain yang ditubuhkan di bawah seksyen ini bersara atau meninggal dunia semasa dalam perkhidmatan Lembaga atau dilepaskan daripada perkhidmatan itu, Lembaga boleh memberi kepadanya atau kepada mana-mana orang atau orang lain yang menjadi tanggungan sepenuhnya atau sebahagiannya, sebagaimana difikirkan patut oleh Lembaga, apa-apa elaun atau ganjaran sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.

Perlantikan
pekerja,
ejen dan
perunding
lain.

17. (1) Tertakluk kepada apa-apa peraturan-peraturan yang boleh dibuat di bawah seksyen 18 dan 34, Lembaga boleh, dari semasa ke semasa, melantik dan menggunakan atas apa-apa terma dan syarat yang difikirkan patut oleh Lembaga mana-mana pekerja lain yang perlu bagi menjalankan maksud-maksud Akta ini.

(2) Lembaga boleh melantik dan menggunakan mana-mana perunding dan ejen untuk menjalankan apa-apa urusan atau melakukan apa-apa perbuatan yang

dikehendaki supaya dijalankan atau dilakukan pada melaksanakan fungsinya atau bagi melaksanakan dengan lebih baik maksud-maksud Akta ini.

18. (1) Lembaga boleh, dari semasa ke semasa, dengan kelulusan Menteri membuat peraturan-peraturan berkenaan dengan tata tertib pekerjaanya. Peraturan-peraturan berkenaan dengan tata tertib.

(2) Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen ini bolehlah memasukkan peruntukan-peruntukan untuk—

- (a) penahanan kerja dengan penurunan gaji atau saraan lain; atau
- (b) penggantungan kerja tanpa gaji atau saraan lain,

seseorang pekerja Lembaga semasa menanti prosiding tata tertib terhadapnya.

(3) Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen ini hendaklah mewujudkan apa-apa kesalahan tata tertib dan memperuntukkan apa-apa hukuman tata tertib sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Lembaga, dan hukuman yang diperuntukkan sedemikian itu boleh membawa kepada pemecatan atau penurunan pangkat.

(4) Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen ini, dalam menetapkan prosedur bagi prosiding tata tertib, boleh memperuntukkan peluang membuat representasi oleh orang yang terhadapnya prosiding tata tertib itu diambil sebelum sesuatu keputusan dicapai oleh Lembaga atas tuduhan tata tertib yang dikenakan terhadap orang itu.

19. (1) Jika pada hari penetapan itu apa-apa prosiding tata tertib belum diputuskan atau wujud terhadap mana-mana pekerja Kerajaan yang telah mengambil opsiyen memasuki perkhidmatan Lembaga, prosiding itu hendaklah diteruskan dan disempurnakan oleh Lembaga. Penerusan dan penyempurnaan prosiding tata tertib.

(2) Sesuatu perintah, keputusan atau arahan yang dibuat atau diberi oleh jawatankuasa menurut seksyen ini hendaklah dianggap sebagai suatu perintah, keputusan atau arahan Lembaga dan mempunyai kuatkuasa atau kesan yang sama seolah-olah ianya telah dibuat atau diberi oleh Lembaga menurut kuasa yang terletak pada Lembaga di bawah Akta ini.

Pengenaan
surcaj.

20. (1) Jika Lembaga berpuas hati bahawa mana-mana orang yang sedang atau pernah berkhidmat dengan Lembaga—

- (a) bertanggungjawab atau telah bertanggungjawab bagi apa-apa pembayaran wang dengan tak sepatutnya daripada Kumpulan Wang atau bagi apa-apa pembayaran wang itu yang tidak disokong dengan sewajarnya;
- (b) bertanggungjawab atau telah bertanggungjawab bagi apa-apa kekurangan dalam, atau bagi kemusnahan pada, apa-apa wang, sekuriti, barang atau lain-lain harta Lembaga;
- (c) yang menjadi atau pernah menjadi pegawai perakaunan, tidak atau telah tidak menyimpan akaun atau rekod yang sepatutnya; atau
- (d) telah tidak membuat apa-apa pembayaran, atau bertanggungjawab atau telah bertanggungjawab bagi apa-apa kelengahan dalam pembayaran, akan wang daripada Lembaga kepada mana-mana orang yang kepadanya pembayaran itu kena dibayar di bawah mana-mana kontrak, perjanjian atau perkiraan yang dibuat antara orang itu dan Lembaga,

dan jika penjelasan yang memuaskan tidak dikemukakan kepada Lembaga dalam tempoh yang dinyatakan oleh Lembaga, berkenaan dengan kegagalan untuk memungut, pembayaran tak sepatutnya, pembayaran yang tidak disokong dengan sewajarnya, kekurangan atau kemusnahan, atau kegagalan untuk menyimpan akaun atau rekod yang sepatutnya, atau kegagalan untuk membuat pembayaran, atau kelengahan dalam membuat pembayaran, maka Lembaga boleh mengenakan surcaj

terhadap orang tersebut sejumlah wang yang tidak melebihi amaun itu bagi mana-mana amaun yang tidak dipungut, mana-mana pembayaran, kekurangan, atau kerugian atau nilai harta yang dimusnahkan, mengikut mana-mana yang berkenaan; dan berkenaan dengan kegagalan untuk menyimpan akaun atau rekod yang sepatutnya, atau kegagalan untuk membuat pembayaran, atau kelengahan dalam membuat pembayaran, Lembaga boleh mengenakan surcaj terhadap orang tersebut sejumlah wang sebagaimana yang difikirkan patut oleh Lembaga.

(2) Lembaga hendaklah menyebabkan Pengerusi diberitahu tentang apa-apa surcaj yang dibuat di bawah subseksyen (1) dan Pengerusi hendaklah sesudah itu memberitahu orang yang disurcaj itu.

(3) Lembaga boleh pada bila-bila masa menarik balik apa-apa surcaj yang berkenaan dengannya penjelasan yang memuaskan telah diterima atau jika selainnya ternyata bahawa tiada surcaj patut dibuat, Lembaga hendaklah dengan serta-merta menyebabkan Pengerusi diberitahu tentang penarikan balik itu.

(4) Amaun apa-apa surcaj yang dikenakan di bawah subseksyen (1) dan tidak ditarik balik di bawah subseksyen (3) hendaklah menjadi hutang yang kena dibayar kepada Lembaga oleh orang yang terhadapnya surcaj itu dikenakan dan boleh didakwa dan didapatkan kembali dalam mana-mana mahkamah secara guaman oleh Lembaga dan boleh juga didapatkan kembali melalui potongan—

(a) daripada gaji orang yang disurcaj jika Lembaga mengarahkan sedemikian; atau

(b) daripada pencen orang yang disurcaj jika Lembaga mengarahkan sedemikian,

secara ansuran bulanan yang setara yang tidak melebihi satu perempat daripada jumlah gaji atau pencen bulanan orang itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

- Perlindungan daripada liabiliti diri. **21.** Tiada guaman atau prosiding undang-undang lain boleh dikenakan secara sendiri terhadap mana-mana anggota, pegawai atau pekerja Lembaga atau mana-mana orang lain di bawah arahan Lembaga bagi apa-apa yang dilakukan atau berhajat untuk dilakukan dengan niat baik dalam pelaksanaan atau yang berupa pelaksanaan Akta ini.
- Pengkhidmat awam. **22.** Semua anggota Lembaga atau mana-mana jawatankuasanya dan semua pegawai, pekerja atau ejen Lembaga hendaklah disifatkan sebagai pengkhidmat awam dalam pengertian Kanun Keseksaan.
- N.M.B.
Bab 45.*

BAHAGIAN V

PERUNTUKAN-PERUNTUKAN KEWANGAN

- Kumpulan Wang Lembaga. **23.** (1) Adalah dengan ini ditubuhkan, bagi maksud-maksud Akta ini, suatu Kumpulan Wang yang akan ditadbirkan dan dikawal oleh Lembaga.
- (2) Kumpulan Wang Lembaga hendaklah mengandungi—
- (a) segala wang yang diterima oleh Lembaga bagi perkhidmatan yang diberi oleh Lembaga kepada Kerajaan sebagai ejen atau bagi perkhidmatan yang diberi oleh Lembaga kepada mana-mana orang;
 - (b) segala wang yang diterima oleh Lembaga melalui pemberian;
 - (c) segala wang yang dihasilkan daripada pelupusan, pajakan atau sewaan, atau apa-apa urusan lain, apa-apa harta terletak pada atau yang diperolehi oleh Lembaga;
 - (d) segala wang yang dihasilkan sebagai pendapatan daripada pelaburan Lembaga;
 - (e) segala wang yang dipinjam oleh Lembaga di bawah Akta ini; dan
 - (f) segala wang lain yang diterima dengan sah oleh Lembaga.

24. (1) Perbelanjaan Lembaga setakat apa-apa amaun yang boleh dibenarkan oleh Menteri bagi mana-mana tahun hendaklah dibayar daripada Kumpulan Wang.

Perbelanjaan dan penyediaan anggaran.

(2) Sebelum bermulanya sesuatu tahun, Lembaga hendaklah mengemukakan kepada Menteri suatu anggaran perbelanjaan bagi tahun berikutnya dalam apa-apa bentuk dan mengandungi apa-apa butir sebagaimana yang diarahkan oleh Menteri, dan Menteri hendaklah sebelum bermula tahun yang berikutnya, memberitahu Lembaga akan amaun yang dibenarkan untuk perbelanjaan keseluruhan atau amaun yang dibenarkan untuk setiap perihal perbelanjaan.

(3) Lembaga boleh pada bila-bila masa mengemukakan kepada Menteri suatu anggaran tambahan bagi mana-mana satu tahun dan Menteri boleh membenarkan keseluruhan atau mana-mana bahagian daripada perbelanjaan tambahan yang termasuk di dalamnya.

25. Lembaga boleh, dari semasa ke semasa bagi maksud-maksud Akta ini, mendapatkan pinjaman daripada Kerajaan atau dengan keizinan Menteri, daripada mana-mana sumber lain.

Kuasa untuk meminjam.

26. Bagi maksud-maksud untuk membolehkan Lembaga menjalankan fungsinya di bawah Akta ini, Menteri boleh, dari semasa ke semasa, memberi bantuan-melalui-pemberian kepada Lembaga sejumlah wang sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri daripada wang yang akan diperuntukkan oleh Parlimen.

Pemberian.

27. (1) Lembaga hendaklah membuka dan mengendalikan suatu akaun atau akaun-akaun dengan mana-mana bank atau bank-bank sebagaimana yang difikirkan patut oleh Lembaga; dan tiap-tiap akaun itu hendaklah beroperasi, setakat yang boleh yang dipraktikkan, dengan cek yang ditandatangani oleh mana-mana orang atau orang-orang yang boleh, dari semasa ke semasa, dibenarkan oleh Lembaga.

Akaun bank dan penggunaan hasil.

(2) Wang Lembaga hendaklah digunakan hanya untuk pembayaran pelepasan perbelanjaan, obligasi dan liabiliti Lembaga dan untuk membuat apa-apa pembayaran yang mana Lembaga diberikuasa atau dikehendaki membayar.

Pelaburan. 28. Lembaga boleh, dengan kelulusan Menteri, melabur mana-mana wangnya yang ada untuk pelaburan dengan cara berikut:

(a) dengan menyimpan ke dalam—

(i) Bank Negara Malaysia;

Akta 372.

(ii) bank yang dilesenkan dengan sewajarnya di bawah Akta Perbankan dan Institusi Kewangan 1989; atau

(iii) mana-mana institusi kewangan lain yang dilesenkan dengan sewajarnya di bawah Akta Perbankan dan Institusi Kewangan 1989;

(b) dengan melabur dalam bentuk bon, kertas gadai-janji, wang kertas komersil, penyetujuan bank, kertas pasaran wang» perakuan deposit dan nota janji dan bil pertukaran dalam pengertian Akta Bil Pertukaran 1949;

Akta 204.

(c) dengan melabur menurut peruntukan-peruntukan Akta Pemegang Amanah 1949:

Akta 208.

Dengan syarat walau bagaimanapun, jika Lembaga melabur dalam atau atas hakmilik kepada harta tak alih dalam Malaysia mengikut perenggan 4(1)(c) Akta Pemegang Amanah 1949, harta tak alih itu mungkin atau tidak mungkin akan menghasilkan apa-apa pendapatan pada masa pelaburan itu.

BAHAGIAN VI

AM

Tiada prosiding terhadap Lembaga sebagai ejen Kerajaan.

29. (1) Tiada tindakan atau prosiding undang-undang boleh diambil terhadap Lembaga berkenaan dengan apa-apa perkara yang berhubungan dengan apa-apa cukai yang Lembaga bertindak sebagai ejen Kerajaan.

(2) Apa-apa tindakan atau prosiding undang-undang berkenaan dengan apa-apa perkara yang berhubungan dengan cukai hendaklah dimulakan oleh atau terhadap Kerajaan.

30. (1) Prosiding berkenaan dengan mana-mana kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya atau mana-mana Akta yang dinyatakan dalam Jadual Kedua atau mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat di bawah mana-mana Akta itu boleh dengan keizinan Pendakwa Raya dikendalikan oleh pegawai Lembaga yang diberikuasa untuk mengendalikan prosiding itu oleh Pengerusi atau Ketua Pengarah, mengikut mana-mana yang berkenaan.

Prosiding dikendalikan oleh pegawai Lembaga.

(2) Walau apa pun peruntukan undang-undang bertulis, pegawai undang-undang sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Prosiding Kerajaan 1956 atau pegawai undang-undang Lembaga yang telah diterima masuk sebagai peguambela dan peguamcara di bawah Akta Profesion Undang-Undang 1976 boleh hadir dalam mana-mana prosiding sivil yang melibatkan Lembaga atau mana-mana orang yang memegang apa-apa jawatan yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga dalam pelaksanaan fungsinya di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang dinyatakan sedemikian, dan boleh membuat dan melakukan segala tindakan dan permohonan berkenaan dengan prosiding itu bagi pihak Lembaga atau orang itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

Akta 359.

Akta 166.

31. (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan di dalam Akta ini atau bagi maksud mana-mana prosiding sivil atau jenayah di bawah mana-mana undang-undang bertulis, tiada anggota, pegawai, pekerja atau ejen Lembaga, sama ada dalam masa tempoh perjawatannya, atau dalam masa gunakhidmatnya atau selepas itu, dan tidak ada orang lain yang mempunyai apa-apa jua akses mengenai apa-apa jua pun maklumat atau dokumen yang berhubungan dengan hal ehwal Lembaga boleh memberi, membuka, mendedahkan atau selainnya menzahirkan maklumat atau dokumen itu kepada mana-mana orang.

Obligasi untuk menyimpan rahsia.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan jika disabitkan boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980. Akta 240.

32. Peruntukan-peruntukan Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 hendaklah terpakai bagi Lembaga.

Kuasa Menteri meminda Jadual Kedua dan Ketiga.

33. Menteri boleh, melalui perintah yang diterbitkan dalam *Warta*, meminda Jadual Kedua dan Ketiga.

Peraturan-peraturan.

34. (1) Lembaga boleh dengan kelulusan Menteri membuat apa-apa peraturan-peraturan sebagaimana yang suaimanfaat atau perlu bagi menjalankan maksud-maksud Akta ini.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), Lembaga boleh membuat peraturan-peraturan bagi atau mengenai semua atau mana-mana perkara berikut:

- (a) cara perlantikan, dan terma dan syarat perkhidmatan bagi pegawai dan pekerja Lembaga;
- (b) pembayaran ganjaran dan lain-lain faedah kepada pegawai dan pekerja Lembaga; dan
- (c) fee atau caj yang dikenakan berkenaan dengan apa jua yang dilakukan di bawah atau menurut kuasa Akta ini.

JADUAL PERTAMA
(Subseksyen 6(5))

PROSIDING-PROSIDING LEMBAGA

Mesyuarat-Lembaga

1. (1) Lembaga hendaklah bermesyuarat bagi penyegeraan urusannya sekurang-kurangnya sekali sebulan pada masa dan tempat yang ditentukan oleh Pengerusi dari semasa ke semasa.

(2) Pada tiap-tiap mesyuarat Lembaga, empat orang anggota akan membentuk korum.

(3) Sesuatu keputusan mesyuarat Lembaga hendaklah diterima-pakai dengan majoriti biasa anggota yang hadir dan mengundi kecuali dalam hal persamaan undi, Pengerusi hendaklah memberi undi pemutus sebagai tambahan kepada undi asalnya.

2. (1) Seseorang anggota Lembaga yang dengan apa-apa cara, langsung atau tak langsung, berkepentingan dengan apa-apa transaksi atau projek Lembaga hendaklah menzahirkan jenis kepentingannya itu pada mesyuarat Lembaga; dan penzahiran itu hendaklah direkodkan dalam minit mesyuarat dan anggota itu tidak boleh mengambil bahagian dalam apa-apa pertimbangan atau keputusan Lembaga berkenaan dengan transaksi atau projek itu.

Penzahiran
kepentingan
oleh anggota

(2) Bagi maksud menentukan sama ada kuorum mencukupi, seorang anggota hendaklah dianggap hadir pada sesuatu mesyuarat walaupun di bawah subperenggan (1) dia tidak boleh mengundi atau telah menarik diri daripada mesyuarat.

3. Lembaga boleh bertindak walaupun terdapat kekosongan dalam keanggotaannya.

Kekosongan

4. (1) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta ini, Lembaga boleh membuat kaedah-kaedah bagi mengawalselia prosedurnya sendiri secara am dan, secara khusus, mengenai pengadaan dan prosiding mesyuarat, notis yang akan diberi mengenai mesyuarat itu, pengelolaan minit dan penjagaan, pengemukaan dan pemeriksaan minit itu.

Prosedur
mesyuarat.

(2) Apa-apa minit yang dibuat tentang mesyuarat Lembaga atau jawatankuasa, jika ditandatangani dengan sewajarnya oleh Pengerusi, hendaklah, dalam mana-mana prosiding undang-undang, diterima sebagai keterangan mengenai fakta yang dinyatakan di dalamnya dan tiap-tiap mesyuarat Lembaga atau jawatankuasa mengenai prosiding yang minitnya dibuat sedemikian hendaklah disifatkan sebagai telah dimula dan diadakan dengan sewajarnya dan semua anggota di mesyuarat itu adalah layak dengan sewajarnya untuk bertindak.

5. Keesahan bagi mana-mana prosiding Lembaga tidak akan terjejas oleh apa-apa pelanggaran perenggan (2) oleh mana-mana anggota.

Keesahan
prosiding

6. Lembaga boleh mengundang mana-mana orang bagi menghadiri mana-mana mesyuarat atau pertimbangan Lembaga bagi maksud menasihatinya mengenai apa-apa perkara yang dibincangkan, tetapi mana-mana orang yang hadir sedemikian adalah tidak berhak untuk mengundi di mesyuarat atau pertimbangan tersebut.

Lembaga boleh
mengundang
orang lain
ke mesyuarat

Elaun yang boleh dibayar kepada anggota Lembaga.

7. Anggota Lembaga dan mana-mana orang lain yang dijemput menghadiri mana-mana mesyuarat Lembaga boleh dibayar apa-apa elaun daripada wang Lembaga sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri.

JADUAL KEDUA
(Subseksyen 30(1))

AKTA-AKTA YANG DINYATAKAN

1. Akta Cukai Pendapatan 1967.
2. Akta Cukai Pendapatan Tambahan 1967.
3. Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976.
4. Akta Penggalakan Pelaburan 1986.
5. Akta Duti Harta Pesaka 1941.
6. Akta Setem 1949.
7. Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967.
8. Akta Duti Sewa Filem Sinematografi 1965.
9. Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Pesisir Labuan 1990.
10. Akta Cukai Pemindahan Syer (Syarikat Berasaskan Tanah) 1984.
11. Akta Cukai Spekulasi Tanah 1974.
12. Akta Kewangan 1965 (No. 2/1965).
13. Akta Penggalakan Pelaburan 1965.
14. Akta Duti Pertaruhan dan Ambiltagan 1948.

JADUAL KETIGA
(Subseksyen 11(3) dan 30(2))

JAWATAN-JAWATAN YANG DINYATAKAN

1. Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967.
2. Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri di bawah Akta Cukai Pendapatan Tambahan 1967.
3. Pemungut Duti Setem di bawah Akta Setem 1949.
4. Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri di bawah Enakmen Duti Harta Pesaka 1941.
5. Ketua Komtroller Hasil Dalam Negeri di bawah Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967.

6. Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri di bawah Akta Duti Sewa Filem Sinematograf 1965.
7. Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri di bawah Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976.
8. Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri di bawah Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Pesisir Labuan 1990.
9. Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986.
10. Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri di bawah Akta Cukai Pemindahan Syer (Syarikat Berasaskan Tanah) 1984.
11. Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri di bawah Akta Cukai Spekulasi Tanah 1974.
12. Ketua Komtroller Hasil Dalam Negeri di bawah Akta Kewangan 1965 (No. 2/1965).
13. Pemungut Duti Setem di bawah Akta Duti Pertaruhan dan Ambiltagan 1948.

HURAIAN

Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri 1994 ("Akta") yang dicadangkan adalah bertujuan untuk menubuh dan memperbadankan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia, memberikan kuasa dan fungsi, mengadakan peruntukan bagi kewangan bagi Lembaga tersebut dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

BAHAGIAN I

2. Bahagian I Akta mengandungi peruntukan-peruntukan permulaan.
3. *Fasal 1* mengadakan peruntukan bagi tajuk ringkas dan bertujuan membenarkan Menteri untuk menetapkan tarikh mula berkuatkuasa Akta.
4. *Fasal 2* mentakrifkan perkataan dan ungkapan tertentu yang digunakan dalam Akta,

BAHAGIAN II

5. Bahagian II mengandungi peruntukan berhubungan dengan penubuhan Lembaga Hasil Dalam Negeri. *Fasal 3* memperuntukkan bahawa Lembaga adalah suatu pertubuhan perbadanan yang kekal turun-temurun dan boleh didakwa dan mendakwa di atas namanya.

6. *Fasal 4* mengandungi peruntukan mengenai peletakhakan semua hak, harta atau liabiliti Kerajaan kepada Lembaga pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri.

7. *Fasal 5* mengadakan peruntukan bagi meterai biasa Lembaga dan *fasal 6, 7, 8 dan 9* masing-masingnya menggariskan keanggotaan Lembaga, terma jawatan mereka, hilang kelayakan anggota Lembaga dan penarikan balik perlantikan dan perletakan jawatan anggota Lembaga.

BAHAGIAN III

8. Bahagian III mengandungi peruntukan berkaitan dengan fungsi dan kuasa Lembaga seperti yang diperuntukkan masing-masingnya dalam *fasal 10 dan //*.

9. *Fasal 12* bertujuan memberi kuasa kepada Lembaga untuk melantik jawatankuasa bagi maksud menjalankan fungsinya di bawah Akta. Fasal ini juga mengadakan peruntukan bagi kelayakan, perlantikan dan penarikan balik perlantikan anggota jawatankuasa yang dilantik sedemikian.

10. *Fasal 13* mengadakan peruntukan bagi perwakilan kuasa oleh Lembaga kepada jawatankuasa yang ditubuhkan untuk membantu Lembaga menjalankan fungsinya.

11. *Fasal 14* mengadakan peruntukan bagi kuasa Menteri untuk memberi arahan yang bersifat am kepada Lembaga dan menghendaki Lembaga memberi apa-apa maklumat yang diperlukan olehnya dari semasa ke semasa.

BAHAGIAN IV

12. Bahagian IV Akta mengandungi peruntukan-peruntukan mengenai kakitangan yang digunakhidmat oleh Lembaga. *Fasal 15* menghendaki Lembaga pada hari penetapan, menerima ke dalam gunakhidmatnya semua pekerja yang dahulunya berada dalam gunakhidmat Jabatan Hasil Dalam Negeri Malaysia yang telah mengambil opsyen untuk berkhidmat sebagai pekerja Lembaga.

13. *Fasal 16* bertujuan memberi perlindungan kepada hak pencen pekerja yang dahulunya berada dalam gunakhidmat Kerajaan dan liabiliti Kerajaan membayar apa-apa ganjaran atau apa-apa elaun kepada Lembaga berkenaan dengan pekerja itu.

14. *Fasal 17* memberi kuasa kepada Lembaga untuk mengunakhidmat pekerja serta perunding dan ejen lain yang diperlukan bagi menjalankan fungsi Lembaga di bawah Akta.

15. *Fasal 18* memberi kuasa kepada Lembaga membuat peraturan-peraturan mengenai tata tertib pekerjaanya.

16. *Fasal 19* memberi kuasa kepada Lembaga untuk meneruskan prosiding tatatertib yang belum diputuskan terhadap pekerjaanya.

17. *Fasal 20* bertujuan memberi kuasa kepada Lembaga untuk mengenakan surcaj ke atas mana-mana orang yang sedang atau yang telah pernah berada di dalam gunakhidmat Lembaga berkenaan dengan kegagalan untuk memungut, pembayaran tak sepatutnya atau kekurangan atau kelengahan pembayaran wang atau harta lain Lembaga.

18. *Fasal 21* bertujuan memberi perlindungan kepada mana-mana anggota, pegawai atau pekerja Lembaga daripada apa-apa prosiding undang-undang yang diambil terhadap mereka secara sendiri berbangkit daripada pelaksanaan tugas masing-masing.

19. *Fasal 22* menyifatkan anggota Lembaga atau jawatankuasa dan pekerja, pegawai dan ejen Lembaga sebagai pengkhidmat awam.

BAHAGIAN V

20. Bahagian V mengandungi peruntukan kewangan Lembaga. *Fasal 23* menubuhkan suatu Kumpulan Wang Lembaga dan *fasal 24* menghendaki Lembaga mengemukakan anggaran perbelanjaan tahunan dan anggaran perbelanjaan tambahannya jika ada, kepada Menteri.

21. *Fasal 25* dan *26* masing-masingnya memberi kuasa kepada Lembaga untuk membuat pinjaman dan kepada Menteri untuk memberi bantuan melalui pemberian kepada Lembaga.

22. *Fasal 27* bertujuan menghendaki Lembaga membuka dan menyenggara akaun dengan mana-mana bank yang difikirkan patut dan menggunakan wang tersebut hanya untuk pembayaran perbelanjaan, obligasi dan liabiliti Lembaga.

23. *Fasal 28* mengadakan peruntukan bagi kuasa Lembaga untuk melaburkan wangnya dengan kelulusan Menteri.

BAHAGIAN VI

24. *Fasal 29* mengadakan peruntukan bagi liabiliti Kerajaan berkenaan dengan apa-apa perkara yang berhubungan dengan cukai.

25. *Fasal 30* memberi kuasa kepada pegawai undang-undang Lembaga dan orang tertentu lain untuk mengendalikan prosiding sivil yang melibatkan Lembaga dan bagi pengendalian prosiding berkenaan dengan kesalahan di bawah Akta dengan keizinan Pendakwa Raya.

26. *Fasal 31* mengadakan peruntukan bagi obligasi untuk menyimpan rahsia oleh pekerja, ejen, pegawai dan anggota Lembaga.

27. *Fasal 32* memperuntukkan bahawa peruntukan-peruntukan Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 hendaklah terpakai bagi Lembaga.

28. *Fasal 33* dan *34* masing-masingnya memberi Menteri kuasa untuk meminda Jadual Kedua dan Ketiga dan memberi kuasa kepada Lembaga dengan kelulusan Menteri untuk membuat peraturan-peraturan yang perlu bagi menjalankan peruntukan-peruntukan Akta.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya belum dapat ditentukan sekarang ini. [PN. (U²) 1854.]